

# Bagaimana untuk Menjadi Pesakit Kami?

Versi Jan 2018



**Pusat Pergigian UiTM**  
**Fakulti Pergigian**

UiTM Cawangan Selangor,  
Kampus Sg. Buloh  
Jalan Hospital  
47000 Sg. Buloh  
Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 61266161/6162/6163  
Fax: +603 61266111

[ppguitm@uitm.edu.my](mailto:ppguitm@uitm.edu.my)



**Selamat Datang!**

Terima kasih kerana memilih kami untuk penjagaan kesihatan mulut dan pergigian anda. Sila baca risalah ini untuk maklumat lanjut apabila hendak mendapatkan rawatan di premis kami.

Jika anda bersetuju untuk mendapatkan rawatan di premis kami, anda haruslah faham bahawa premis kami adalah premis latihan klinikal untuk para pelajar kami dan mungkin berbeza dengan proses yang anda telah lalui sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun, semua pelajar kami adalah dipantau secara berterusan untuk memastikan kualiti yang terbaik.

*"Ini adalah fasiliti  
pengajaran dan  
pembelajaran pergigian  
UiTM yang berasaskan  
perkhidmatan dibawah satu  
bumbung"*

## Lokasi Kami

Premis kami dihubungi oleh lebuh raya Utara Selatan (PLUS) melalui susur keluar **Hospital Sg. Buloh**.

Jarak kami dari TOL HOSP. SG BULOH adalah 2km (Ke kiri selepas lampu isyarat).

Klinik kami terletak di dalam bangunan Fakulti Pergigian

Koordinat kami:

**3.220020, 101.594637**

### Jarak kami dari :

KTM Komuter/MRT Sg. Buloh: 3.9km  
\*Bas Perantara No. 100 untuk ke Pusat Pergigian UiTM

Bandar Baru Sg Buloh: 7km

Hospital Sg Buloh: 1.7km

Bandar Kepong: 10km

Bandar Kota Damansara: 10km

Damasara Damai: 6km





## Proses untuk Mendapatkan Rawatan

1

### Pendaftaran

Datang secara 'walk-in' ke klinik kami mengikut jadual yang diberi di brosur ini. Caj pendaftaran adalah RM10.

2

### Pemeriksaan Awal (Saringan) – 'walk-in'

Selepas mendaftar, pesakit baru akan menjalani pemeriksaan pergigian (saringan) di Klinik Rawatan Primer (Sapphire). Selepas itu akan dirujuk ke klinik yang berkenaan secara temujanji.

3

### Rawatan (Temujanji)

Anda akan diberitahu masa dan tarikh temujanji selepas mendapat pemeriksaan. Bergantung kepada keperluan dan kes anda, pelajar atau pakar akan merawat masalah pergigian anda.

## Kunjungan Pertama Anda

Anda boleh datang secara 'walk-in' pada masa seperti dinyatakan di sebelah. Sila bawa:

- I. Dokumen pengenalan yang sah (Kad pengenalan atau passport (dengan visa yg sah))
- II. Senarai ubatan anda jika ada.
- III. Bawa rekod kesihatan yang penting jika ada.

Anda akan diperiksa oleh pegawai pergigian kami secara mendalam dan bukan sahaja apa yang mungkin anda minta (chief complaint).

*\*Jika anda memerlukan rawatan selepas menjalani rawatan, tempoh untuk dipanggil untuk temujanji mungkin mengambil masa kerana permintaan yang tinggi kecuali kes kecemasan. Kami mohon untuk bersabar dan jika mempunyai pertanyaan, boleh terus hubungi kami.*



### Waktu Perkhidmatan:

Isnin – Khamis : 8 pagi – 12 tghari / 2 – 4 petang  
Jumaat : 8 – 11 pagi  
Sabtu/Ahad/Cuti Am : Tutup

### Perkhidmatan kami:

1. Pergigian Operatif
2. Endodontik
3. Prostodontik
4. Periodontik
5. Ortodontik
6. Pergigian Kanak-kanak
7. Pembedahan Mulut & Maksilofasial
8. Perubatan Mulut
9. Keperluan Khas
10. Pengimejan Diagnostik
11. Ujian Diagnostik Asas

*Usaha, Takwa, Mulia*

## Hak dan Tanggungjawab anda sebagai pesakit kami

Para pelajar dan kakitangan Pusat Pergigian UiTM sedar akan hak dan tanggungjawab anda sebagai pesakit kami:

1. Menjalani rawatan tanpa memilih pelajar atau kakitangan berdasarkan kaum atau agama.
2. Setiap pesakit akan dirawat dengan penuh kesopanan dan ketertiban.
3. Pesakit perlu memberikan kerjasama semasa sebarang pemeriksaan fizikal atau rawatan dijalankan.
4. Setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan kerahsiaan semasa sesi soal jawab, pemeriksaan dan rawatan.
5. Pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan pendapat kedua bila diminta
6. Pesakit yang telah mendapat maklumat lengkap tentang keadaan dirinya mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima atau menolak rawatan sebagaimana yang dicadangkan kepada beliau
7. Keizinan pesakit perlu diperolehi sebelum mana-mana prosedur dapat dijalankan. Bagi yang berumur 17 tahun dan kebawah, keizinan perlu diperolehi daripada ibu atau bapa atau penjaga yang sah.
8. Pihak Pusat Pergigian UiTM/Fakulti Pergigian UiTM berhak menggunakan maklumat pergigian anda tanpa mendedahkan identity untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran sahaja.
9. Anda berhak untuk membuat aduan jika ada ketidak puashatian terhadap pelajar atau staff kami.
10. Anda berhak untuk mendapatkan rawatan kecemasan jika diperlukan
11. Pesakit perlu faham tentang kaedah prosedur yang dijalankan oleh pelajar yang mungkin mengambil masa yang lebih panjang dan pensyarah/pakar akan memantau secara rapi.

*Semua pelajar kami dibawah seliaan oleh pakar-pakar semasa melakukan prosedur atau rawatan ke atas pesakit*



### Maklumat Penting:

- a. Tempoh menunggu untuk temujanji mungkin memakan masa yang agak lama. Jika lebih dari 6 bulan, sila telefon kami untuk mengetahui status anda.
- b. Untuk pesakit yang ingin mendapatkan rawatan ortodontik (braces), masa menunggu adalah sehingga 2 tahun.



### **Kos Rawatan**

Semua rawatan yang dibuat oleh pelajar adalah PERCUMA kecuali melibatkan prostetik . Rawatan dengan Pakar dan pelajar Pasca Siswazah adalah dikenakan caj yang munasabah. Untuk keterangan dengan lebih lanjut, sila membuat pertanyaan dengan pelajar atau kakitangan kami.

*Terima kasih kerana memilih kami*

### **Pusat Pergigian UiTM**

Fakulti Pergigian  
UiTM Kampus Sg. Buloh  
Jalan Hospital  
47000 Sg. Buloh  
Selangor Darul Ehsan